



SEMANGAT: Mas Adi (sembilan kanan) dan Siaw On Min bertukar cenderamata ketika mengadakan lawatan ke UMSKAL.

Lawatan ke UMSKAL suntik semangat pelajar SMK Abdul Rahim

UB 04.11.2023 P.03

LABUAN: Seramai 51 pelajar asrama SMK Abdul Rahim, Kudat mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) semalam.

Mereka yang terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 6 diiringi 13 guru, diketuai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Siaw On Min yang mewakili Pengetua, Rozlan Hashim.

Ketua Warden, Viviana Velenthia Micheal berkata lawatan itu bertujuan mem-

beri pengalaman kepada pelajar merasa sendiri hidup sebagai seorang mahasiswa, sekaligus menyuntik semangat mereka untuk belajar lebih gigih.

Selain itu, memberi peluang kepada pelajar untuk melihat dunia luar selain daripada dalam kelas.

“Lawatan itu juga untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang struktur pengajian dan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

“Mendedahkan pelajar kepada corak berfikir seorang

pemimpin siswa-siswi untuk melahirkan sifat pemimpin muda berkebolehan,” katanya.

Terdahulu ketibaan rombongan sekolah itu disantuni Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia UMSKAL, Mas Adi Alimin.

Taklimat mengenai UMSKAL disampaikan oleh Penolong Pegawai Tadbir, Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dony Lidaus Jinik.

Manakala sesi perkongsian dan lawatan itu dikendalikan Majlis Perwakilan Pelajar

UMSKAL yang diketuai Naib Presiden MPP, Dimetio Fernandez Anak Luat.

Pelajar dibawa melihat kemudahan makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Aras 9 dan meninjau pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan dari Aras 13 yang turut menempatkan Balai Cerapan.

Ahli rombongan turut memeriahkan Hari Terbuka Kelab dan Sekretariat 2023 di Ruang Legar Bangunan Menara UMSKAL.